

DATE: 11/12/2007

PM: Malaysia mampu capai pertumbuhan enam peratus

Um- 11/12/2007

PUTRAJAYA 10 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Malaysia mampu mencapai unjuran pertumbuhan ekonomi sebanyak enam peratus pada tahun ini, walaupun berhadapan dengan kenaikan harga minyak global.

Menurut beliau, negara kini berada di landasan yang betul untuk mencapai unjuran tersebut selepas berjaya mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.7 peratus pada suku ketiga tahun ini.

"Meskipun mahu mencapai unjuran tersebut, kita (kerajaan) amat berhati-hati dalam berhadapan dengan kenaikan har-

ga minyak," katanya pada taklimat Laporan Interim - Kajian Kemajuan Program Transformasi Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) 2007, di sini hari ini.

Selepas taklimat itu, Perdana Menteri telah menghadiri majlis Syarahan Khazanah Global di tempat yang sama.

Sementara itu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pula berkata, ekonomi negara masih dapat bertahan dalam menghadapi tekanan inflasi berikutan kenaikan harga bahan bakar.

Mengulas mengenai unjuran kadar inflasi pada tahun depan pula, Zeti berkata, bank pusat akan membuat pengumuman mengenainya pada awal tahun depan.

GLC catat peningkatan untung agregat RM17.4b

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

PUTRAJAYA 10 Dis. - Kumpulan 20 (G-20), yang merupakan syarikat utama milik kerajaan (GLC) dijangka mencatat peningkatan keuntungan agregat berjumlah RM17.4 bilion, melonjak 70 peratus pada tahun ini, berbanding RM10.2 bilion pada tahun lalu.

Unjuran peningkatan keuntungan itu merupakan pencapaian tiga kali ganda lebih tinggi berbanding jangkaan pasaran untuk 2007.

Pencapaian itu adalah hasil corak penguasaan yang lebih aktif dan mantap berdasarkan fokus perniagaan serta pelaburan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas secara spontan pencapaian GLC itu berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi yang dicapai oleh syarikat-syarikat milik kerajaan terbabit.

Menurutnya, kerajaan mendapati prestasi perniagaan GLC pada hari ini adalah lebih baik hasil transformasi yang dilaksanakan oleh GLC, sejak tiga tahun lalu.

"Saya berpuas hati dengan pencapaian GLC dan berharap prestasi ini dapat diteruskan," katanya ketika menghadiri taklimat Laporan Interim - Kajian Kemajuan Program Transformasi GLC 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini hari ini.

Majlis taklimat itu dipengerusikan

oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan pemimpin-pemimpin GLC.

Pada majlis itu, Abdullah menerima buku laporan kemajuan Interim 2007 bagi program transformasi GLC oleh Jawatankuasa Putrajaya Bagi GLC Berprestasi Tinggi.

Program Transformasi GLC itu dilancarkan pada 14 Mei 2004 bertujuan meningkatkan prestasi aktiviti perniagaan dan pelaburan GLC, di samping memberi penekanan utama ke arah aspek pembangunan modal dan modal insan.

Program transformasi GLC telah melepasi fasa ketiga tahun pertama sejak Januari 2007 yang menetapkan sasaran untuk menunjukkan hasil nyata dan mapan dalam jangka sederhana.

Abdullah berkata, langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengurangkan kerehah birokrasi di jabatan kerajaan telah mencapai banyak kemajuan, khususnya dalam prestasi GLC.

"Usaha itu bukan sahaja meningkatkan keupayaan dan kecekapan malah telah dapat meningkatkan jumlah pelaburan asing di Malaysia," ujarnya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga meminta GLC yang terlibat dalam pembangunan koridor-koridor ekonomi supaya tidak meminggirkan penglibatan usaha-



ABDULLAH Ahmad Badawi menyampaikan syarahan pada majlis Syarahan Khazanah Global di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, selepas mendengar taklimat Laporan Interim - Kajian Kemajuan Program Transformasi Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) 2007 di Putrajaya, semalam.

wan dan syarikat-syarikat tempatan.

"Ini perlu untuk memberi keseimbangan dalam projek koridor-koridor negara," katanya.

Menurut buku laporan kemajuan itu, pasaran modal GLC juga terus mencatat pencapaian positif berikutan prestasi tersebut.

Sejak program transformasi dilancarkan, pulangan keseluruhan pemegang saham (TSR) bagi G-20 tumbuh pada kadar 3.3 peratus pada 30 November 2007 dan modal pasaran pula meningkat sebanyak RM121 bilion atau 83 peratus kepada RM266 bilion.

Antara G-20 itu ialah Malaysian Airline System Bhd., Affin Holdings Bhd., Sime Darby Bhd., Telekom Malaysia Bhd. (TM), Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dan UEM World Bhd.

Modal pasaran bagi G-47 juga meningkat sebanyak RM148 bilion atau 70 peratus kepada RM361 bilion.

Menurut laporan kemajuan itu, program transformasi GLC itu bukan sahaja memberi

faedah dalam aspek operasi dan kewangan, tetapi juga memberi manfaat kepada pemegang kepentingannya, khususnya rakyat.

Sebagai contoh rakyat mendapat faedah dari segi menikmati tahap perkhidmatan yang lebih baik apabila TNB dapat mengurangkan gangguan perkhidmatan.

Peningkatan prestasi TM pula dapat mengurangkan masa menunggu dan membaik pulih perkhidmatan jalur lebar sebanyak 75 peratus pada tahun ini.

Selain itu, sebanyak 360,000 kalangan GLC termasuk 75,000 daripada mereka golongan profesional menikmati pelbagai kemudahan dan prospek kerja yang lebih baik.

Komuniti turut mendapat faedah, apabila GLC membuat pelaburan dalam bidang pendidikan, alam sekitar dan program pengurangan kemiskinan.

Malah, kumpulan pembekal tempatan turut mendapat faedah melalui kerjasama dengan GLC di bawah Program Pembangunan Vendor Bumiputera yang kini melibatkan 10,000 usahawan.